

KEDIDI ROPOL
Ruff Sandpiper

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Philomachus pugnax*

CIRI-CIRI

Burung dewasa mempunyai kepala yang agak kecil jika dibandingkan dengan badannya, muncung yang sedikit melengkung ke bawah dan kaki yang berwarna kuning. Bahagian atas badan berwarna kelabu manakala bahagian bawah badan berwarna putih. Semasa musim pembiakan, individu jantan mempunyai struktur bulu seakan-akan ropol yang berwarna hitam, putih atau coklat kemerahan. Struktur ini boleh dilihat di bahagian kepala, leher dan belakang badan. Bulu individu betina pula berwarna coklat kekelabuan dengan bahagian atas badan, leher dan dada yang berwarna hitam. Saiz keseluruhan individu jantan adalah di antara 29-32 sm, manakala individu betina pula di antara 22-26 sm.

HABITAT

Paya, kawasan berumput, sawah padi, kolam-kolam di sepanjang pantai dan kawasan rendah tetapi spesies ini jarang ditemui di beting pasir.

TABIAT

Mencari makan dengan mematak mangsa yang berada di permukaan air dan selalunya mencari makan di kawasan yang agak dalam. Spesies ini jarang berbunyi kecuali sewaktu terbang dengan mengeluarkan bunyi *kuk* atau *wek* yang bernada rendah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.